

**KEBERKESANAN LAMAN SESAWANG SEBAGAI
MEDIUM PROMOSI KEPADA MUZIUM ORANG
ASLI DI GOMBAK**

NABIHAH NAJLAA BINTI ZAMRI

**IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN DENGAN
KEPUJIAN**

MALAYSIA

KELANTAN

2021



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

Keberkesanan Laman Sesawang Sebagai Medium Promosi Kepada Muzium Orang Asli di Gombak

disediakan oleh:

Nabihah Najlaa Binti Zamri

C18A0193

Laporan Projek Akhir Ini Dikemukakan Sebagai Syarat Dalam Memenuhi
Penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan Dengan Kepujian

Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

2021

PERAKUAN STATUS TESIS

Saya dengan ini memperakukan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan oleh ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi.

TERBUKA

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)

SEKATAN

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam talian (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah.

Dari tarikh _____ hingga _____

SULIT

(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)*

TERHAD

(Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)*

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut:

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

Tandatangan Utama



Tarikh: 20/02/2022

Tandatangan Penyelea


TS. DR. MUKHTARUDDIN BIN MUSA
Penyarah Kanan
Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan
Universiti Malaysia Kelantan
16300 Bachek, Kelantan

Tarikh: 23/02/2022

Nota* Sekiranya Tesis ini adalah SULIT atau TERHAD, sila keipilkan bersama surat daripada organisasi dengan menyatakan tempoh dan sebab-sebab kerahsiaan dan sekatan.

PENGHARGAAN

Syukur kepada Illahi atas peluang untuk menyiapkan tugas yang diberikan mengikut tempoh yang telah ditetapkan. Pertama sekali, sekalung ucapan terima kasih dalam kesempatan ini kepada Ts. Dr. Mukhtaruddin bin Musa iaitu selaku penyelia bagi Projek Penyelidikan yang dijalankan. Segala tunjuk ajar serta banyak memberi sokongan moral kepada saya semasa menyiapkan penyelidikan ini. Selaku penyelia yang memberi panduan, cadangan, dan kritikan yang membina membolehkan saya untuk menyiapkan penyelidikan ini dengan sebaik mungkin.

Pengkaji mengambil kesempatan ini untuk berterima kasih kepada rakan seperjuangan yang turut serta di bawah penyeliaan Dr. Mukhtar sendiri. Rakan-rakan seperjuangan yang berkongsi rujukan dan contoh yang diperlukan oleh pengkaji dalam menyiapkan tugas ini. Terima kasih juga kepada rakan-rakan pengkaji yang terlibat secara langsung atau tidak langsung semasa proses menyiapkan projek Penyelidikan ini. Rakan-rakan yang banyak memberi pendapat dan berkongsi ilmu serta pengetahuan dalam memperluaskan lagi skop dalam menyiapkan kajian yang dijalankan.

Akhir sekali, pengkaji berharap agar hasil penyelidikan yang dijalankan ini dapat memberi manfaat dan pengetahuan kepada pembaca dan golongan yang akan mengembangkan lagi tajuk kajian yang dipilih nanti. Selain itu, pengkaji berharap agar dapat membuka mata masyarakat tentang kepentingan kajian ini kepada masyarakat di kawasan Gombak.

ISI KANDUNGAN

PERAKUAN STATUS TESIS	I
PENGHARGAAN	II
SENARAI JADUAL	V
SENARAI RAJAH	V
ABSTRAK	VI
ABSTRACT	VII
BAB 1 PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang	1
1.3 Penyataan Masalah	4
1.4 Persoalan Kajian	5
1.5 Objektif Kajian	5
1.6 Skop Kajian	6
1.7 Kepentingan Kajian	7
1.8 Struktur Laporan	9
BAB 2 SOROTAN KAJIAN LEPAS	10
2.1 Pengenalan	10
2.2 Orang Asli	10
2.3 Muzium Orang Asli	12
2.4 Keberkesanan Laman Sesawang	13
2.5 Kerangka Teori	14
2.5.1 Teori Fungsionalisme	14
2.6 Kesimpulan	15
BAB 3 METODOLOGI PENYELIDIKAN	16
3.1 Pengenalan	16
3.2 Rekabentuk Kajian	16
3.2.1 Kaedah Kuantitatif	16
3.3 Pengumpulan Data	17
3.3.1 Data Primer	17
3.3.2 Data Sekunder	18
3.4 Persampelan	19
3.5 Instrumen	20

3.5.1 Perakam Suara	20
3.5.2 Kamera	21
3.6 Analisis Data	21
3.7 Kesimpulan	23
BAB 4 ANALISIS KAJIAN DAN PERBINCANGAN	24
4.1 Pengenalan	24
4.2 Demografi Responden	24
4.3 Rekabentuk Susun Atur Laman Sesawang Muzium Orang Asli Gombak	26
4.3.1 Pandangan Pengguna Terhadap Susun Atur Laman Sesawang	26
4.3.2 Pendapat Pengguna Tentang Maklumat, Kandungan Dan Susun Atur Yang Ada Pada Laman Sesawang.	28
4.4 Keperluan Laman Sesawang Sebagai Sistem Penyampaian Kepada Muzium Orang Asli Gombak	28
4.4.1 Pengetahuan Orang Awam Terhadap Muzium Orang Asli	29
4.4.2 Pengetahuan Orang Awam Terhadap Laman Web Muzium Orang Asli.	31
4.4.3 Kesedaran Orang Awam Tentang Kewujudan Laman Sesawang Muzium Orang Asli.	35
4.5 Kesimpulan	36
BAB 5 RUMUSAN DAN CADANGAN	37
5.1 Pengenalan	37
5.2 Rumusan	38
5.3 Cadangan	40
5.3.1 Kos Dalam Sistem Teknologi Dan Maklumat	40
5.3.2 Keberkesanan Sistem Penyampaian Maklumat Kepada Jumlah Kehadiran Pengunjung	40
RUJUKAN	41
LAMPIRAN	43

SENARAI JADUAL

NO.	HALAMAN
Jadual 4.1: Jantina Responden	26
Jadual 4.2: Umur Responden	27
Jadual 4.3: Bangsa Responden	27
Jadual 4.4: Susun atur Laman Sesawang	28
Jadual 4.5: Pendapat Pengguna Tentang Kandungan Laman Sesawang.	30
Jadual 4.6: Pengetahuan Orang Awam Terhadap Muzium Orang Asli	31
Jadual 4.7: Pengetahuan Orang Awam Terhadap Laman Web Muzium Orang Asli.	33

SENARAI RAJAH

NO.	HALAMAN
Rajah 1.1: Muzium Orang Asli di Gombak.	3
Rajah 1.2: Lokasi Kajian di Daerah Gombak, Selangor.	6
Rajah 4.1: Jumlah Hit Pelawat Laman Utama Dan Laman Muzium Orang Asli.	35
Rajah 4.2: Hit Harian Bagi Laman Utama Laman Web JAKOA.	36
Rajah 4.3: Hit Harian Bagi Laman Muzium Orang Asli Gombak.	36
Rajah 4.4: Kesedaran Orang Awam Tentang Kewujudan Laman Sesawang Muzium Orang Asli.	37

ABSTRAK

Muzium Orang Asli Gombak ditubuhkan bagi mengabadikan sejarah silam dan warisan budaya masyarakat orang asli di semenanjung Malaysia. Ia ditubuhkan sejak 29 September 1987 di yang terletak di Jalan Gombak, Kampung Batu 12, Kuala Lumpur. Pada tahun 1995, pembinaan baharu bangunan muzium telah dijalankan bagi menggantikan binaan asal. Hal ini berlaku setelah terdapat cadangan yang diusulkan oleh Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA). Sumber internet berkenaan Muzium Orang Asli Gombak ada maklumatnya sedikit sebanyak di bawah laman sesawang JAKOA, namun penyampaiannya adalah sangat terhad dan tidak mempunyai sebarang kemaskini keadaan semasa tentang muzium. Malah banyak maklumat yang tidak dapat diperolehi seperti yang didapati di laman sesawang institusi muzium yang lain dimana mereka mempunyai laman sesawa khas dan memaparkan pelbagai maklumat untuk disampaikan kepada pengguna. Oleh itu satu kajian telah dilakukan iaitu keberkesanan laman sesawang sebagai medium promosi kepada Muzium Orang Asli di Gombak untuk menjawab persoalan kajian bagaimanakah susun atur laman sesawang Muzium Orang Asli di Gombak dan apakah keperluan laman sesawang sebagai sistem penyampaian kepada Muzium Orang Asli Gombak.

Kata Kunci: Orang Asli, Muzium, Laman Sesawang, Susun Atur.

ABSTRACT

Gombak Orang Asli Museum was established to capture the past history and cultural heritage of the orang asli community in peninsular Malaysia. It was established on 29 September 1987 at Jalan Gombak, Kampung Batu 12, Kuala Lumpur. In 1995, a new construction of the museum building was carried out to replace the original construction. This happened after there was a proposal proposed by the Department of Indigenous Affairs (JHEOA). Internet sources regarding the Gombak Orang Asli Museum have some information under the JAKOA website, but the presentation is very limited and does not have any updates on the current situation of the museum. In fact, a lot of information is not available as found on the websites of other museum institutions where they have a special website and display a variety of information to be presented to users. Therefore, a study has been done that is the effectiveness of the website to the Orang Asli Museum in Gombak to answer the research question how is the layout of the website of the Orang Asli Museum in Gombak and what is the need for the website as a delivery system to the Orang Asli Museum of Gombak.

Keywords: Aboriginal, Museum, Website, Layout.

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Bab ini menerangkan tajuk kajian dan fokus utama dalam menjalankan penyelidikan. Kandungan bab ini terdiri dengan latar belakang kajian, permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian, skop kajian dan kepentingannya. Semua item ini akan membantu pengkaji untuk menjalankan penyelidikan.

1.2 LATAR BELAKANG

Muzium Orang Asli Gombak telah ditubuhkan dari ilham bekas Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) ke-4 iaitu Dr. Baharon Azhar bin Raffie`i, perkhidmatan beliau adalah pada tahun 1969 hingga 1986. Pada asalnya muzium orang asli ini adalah kediaman rasmi miliknya yang telah dinaiktaraf dan diubahsuaikan sesuai dengan mengikut susun atur sebuah muzium. Kerja-kerja penambahbaikan dan menghimpunkan koleksi mengambil masa selama 6 tahun untuk dilengkapkan, malah Dr. Baharon Azhar bin Raffie`i juga turut menyumbang tenaga dan idea sepanjang kerja penaiktarafan ini dilakukan. Akhirnya perasmian Muzium Orang asli Gombak telah dirasmikan pada 29 September 1987 oleh Tun Dr Mahathir bin Mohamad iaitu bekas Perdana Menteri Malaysia ke-4 dan ke-7. Penubuhan muzium ini berobjektifkan untuk mengabadikan sejarah silam masyarakat orang asli sebagai bahan sejarah, mengumpul, memelihara dan mempamerkan segala bentuk warisan budaya peninggalan masyarakat orang asli untuk tatapan generasi masa kini dan akan datang juga berperanan sebagai pusat penyelidikan sejarah dan budaya serta latar belakang masyarakat orang asli.

Pada tahun 1995, pembinaan baharu bangunan muzium telah dijalankan bagi menggantikan binaan asal. Hal ini berlaku setelah terdapat cadangan yang diusulkan oleh Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA). Masa yang diambil untuk mengisi dan mengumpulkan pameran adalah sepanjang 2 tahun manakala kos pembinaan bangunan baharu muzium adalah sebanyak RM3.5 juta dan pada 19 Jun 1998, ia telahpun siap

dibina. Perasmian kali ini telah dilakukan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Ke-11 iaitu Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj Ibni Almarhum Sultan Hishamuddin Alam Shah Alhaj dan secara rasmi dibuka untuk menerima lawatan pengunjung pada 2 Mac 2000. Selepas daripada itu, muzium telah dilihat memainkan peranannya untuk terus memelihara dan memulihara artifak-artifak yang berkaitan dengan kaum orang asli di semenanjung Malaysia, memaparkan dan mengekalkan warisan sejarah, tradisi serta sosio-budaya orang asli yang semakin hilang ditelan arus pembangunan, membentuk dan membangunkan pusat pengumpulan maklumat mengenai warisan sejarah dan memperagakan koleksi artifak kepada umum.

Sumber internet berkenaan Muzium Orang Asli Gombak ada maklumatnya sedikit sebanyak di bawah laman sesawang JAKOA, namun penyampaiannya adalah sangat terhad dan tidak mempunyai sebarang kemaskini keadaan semasa tentang muzium. Malah banyak maklumat yang tidak dapat diperoleh seperti yang didapati di laman sesawang institusi muzium yang lain dimana mereka mempunyai laman sesawa khas dan memaparkan pelbagai maklumat untuk disampaikan kepada pengguna. Halaman tersebut hanya mempunyai info tentang sejarah penubuhan muzium dan pengasasnya, objektif dan peranan penubuhan serta sedikit gambar koleksi budaya masyarakat orang asli. Selain itu, turut mereka sertakan waktu operasi dan talian untuk dihubungi. Semestinya, apa yang diharapkan pengguna adalah kemaskini oleh pihak muzium tentang aktiviti dan apa jua pembaharuan yang dilakukan di muzium serta pengguna juga ingin mendapatkan sedikit gambaran susun atur pameran dan tarikan yang disediakan secara bermusim.

Oleh disebabkan itu, pengkaji telah memilih tajuk ini untuk menggalakkan penggunaan laman sesawang kepada Muzium Orang Asli Gombak ini. Terdapat pelbagai fungsi yang boleh digunakan dalam penghebahan maklumat mengenai institusi dan juga organisasi di muzium. Selain itu, banyak keperluan yang boleh dipenuhi dan menjadikan pameran di muzium tampak lebih menarik melalui gambaran visual di laman

sesawang. Malahan kesemua koleksi yang dipamerkan boleh dimuatnaik visualnya untuk pengguna lihat dengan lebih dekat dan jelas dari pelbagai perspektif. Justeru itu, kajian ini dijalankan untuk menjelaskan keberkesanan pembangunan laman sesawang kepada Muzium Orang Asli di Gombak ini.



Muzium Orang Asli, Gombak,
Seksyen Kebudayaan Dan Warisan
Bahagian Perancangan Dan Penyelidikan
Jabatan Kemajuan Orang Asli Malaysia



WAKTU OPERASI
Waktu Bekerja dan Hari Sabtu
TUTUP: Hari Jumaat dan Cuti Umum

ALAMAT
KM24, Jalan Gombak,
Kampung Batu Dua Belas
Gombak, 53100, Selangor.

No.Telefon: 03-6186 8796
Laman web: www.jakoa.gov.my

Rajah 1.1: Muzium Orang Asli di Gombak.

1.3 PENYATAAN MASALAH

Permasalahan terhadap kajian yang dijalankan ialah:

1. Tidak mempunyai laman sesawang rasmi khusus untuk muzium.

Muzium Orang Asli Gombak tidak mempunyai laman sesawang rasmi di bawah kendalian mereka. Jika dicari di carian internet, pengguna hanya akan peroleh laman sesawang di bawah JAKOA dan terdapat sedikit maklumat berkenaan Muzium Orang Asli Gombak seperti info-info umum dan asas sahaja seperti sejarah, pengasasnya, peranan penubuhan dan maklumat pengoperasian serta nombor yang boleh dihubungi sahaja.

Laman web adalah platform untuk penyampaian dan penyebaran maklumat yang benar, terkini dan tepat. Pengguna boleh menggunakan laman web untuk menghasilkan maklumat yang benar, terkini dan tepat. Laman web dianggap sebagai organisasi yang boleh digunakan untuk membantu organisasi menjadi institusi yang dipuji, dihormati dan terkenal. Ciri dan teknologi web terkini menjadikan laman web lebih menarik melalui ciri persekitaran yang dinamik dan interaktif, sehingga meningkatkan minat dan perhatian pengunjung yang ada dan baru. Untuk mencapai tujuan ini, merancang laman web organisasi adalah mustahak. Dengan mengikuti panduan dan piawaian yang dikeluarkan oleh pakar dan pereka laman web, proses ini dapat dicapai dan hasil yang baik. (Zulhilmi Abdullah, 2012).

1.4 PERSOALAN KAJIAN

Persoalan bagi kajian 'Keberkesanan Laman Sesawang Terhadap Muzium Orang Asli Di Gombak' yang dijalankan ialah:

1. Bagaimanakah susun atur laman sesawang Muzium Orang Asli di Gombak?
2. Apakah keperluan laman sesawang sebagai sistem penyampaian kepada Muzium Orang Asli Gombak?

1.5 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian merupakan elemen penting di dalam sebuah penyelidikan. Hal ini untuk memastikan agar kajian yang dijalankan mencapai tujuan yang sebenar. Antara objektif yang ingin dicapai ialah:

1. Mengenalpasti susun atur laman sesawang Muzium Orang Asli Gombak.
2. Mengkaji keperluan laman sesawang sebagai sistem penyampaian kepada Muzium Orang Asli Gombak.

1.6 SKOP KAJIAN

Kajian yang dijalankan menumpukan kepada Muzium Orang Asli Gombak yang terletak di Jalan Gombak, Kampung Batu 12, Kuala Lumpur. Fokus utama kajian adalah untuk menerangkan kelebihan laman sesawang untuk pihak muzium membangunkan laman sesawang khas bagi Muzium Orang Asli di Gombak. Pada abad kini, umum mengetahui bahawa masyarakat kini lebih cenderung menggunakan akses dalam talian untuk mendapatkan info terkini dan membuat carian semasa. Dengan kewujudan laman sesawang ini akan membantu pihak muzium untuk menjadikan pameran yang disediakan lebih efektif.

- a) Skop kajian mengenai kelebihan membangunkan laman sesawang permuziuman orang asli.
- b) Skop kajian terhadap keberkesanan penggunaan laman sesawang terhadap muzium.



Rajah 1.2: Lokasi Kajian di Daerah Gombak, Selangor.

1.7 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini dijalankan adalah untuk mencadangkan penggunaan laman sesawang dalam organisasi ini bagi memudahkan penyampaian dan pencarian melalui dalam talian. Dalam kajian ini juga akan diberitahu segala tentang fungsi dan kelebihan membangunkan laman sesawang yang boleh dimanfaatkan oleh pihak muzium untuk mempertimbangkan hal yang berkenaan. Selain itu, bahan dan koleksi yang berada di muzium dapat ditunjukkan dengan lebih jelas dan dekat melalui gambaran visual dari pelbagai sudut. Manfaat selepas kajian ini akan membantu banyak golongan dari pelbagai aspek iaitu:

a) Individu

Kajian ini penting terhadap sesetengah individu yang ingin mendapatkan maklumat sebagai sumber rujukan dalam penyelidikan dan pendidikan. Informasi sedia ada yang terdapat di laman web JAKOA terlampau umum dan tidak didedahkan maklumat utama yang diperlukan seperti susun atur muzium dan aktiviti yang dilakukan. Apabila laman sesawang dibangunkan dengan penuh informatif dan kemaskini, pengguna lebih mudah dan senang menjalankan kerja dan urusan.

b) Masyarakat

Kelompok masyarakat adalah pengguna utama yang akan membuat carian di institusi kerajaan seperti muzium ini. Hal ini kerana, mereka akan mencari tarikan dan tempat kunjungan sebagai aktiviti hujung minggu dan meluangkan masa bersama keluarga. Dalam waktu pandemik ini sebagai contoh keperluan laman sesawang untuk mempamerkan bahan dan koleksi pameran secara visual yang bersesuaian dengan teknologi kini. Pengunjung tidak dapat melawat secara fizikal melainkan hanya dalam talian.

c) Institusi

Kepentingan terhadap institusi muzium itu sendiri adalah sangat penting berbanding yang lain. Ini kerana mereka perlu memastikan pameran yang dijalankan menunjukkan keberhasilan yang bagus dan disambut baik oleh masyarakat. Selain itu laman sesawang sangat membantu dari segi penyampaian informasi melalui capaian internet dengan lebih mudah, cepat dan berkesan.

1.8 STRUKTUR LAPORAN

Secara keseluruhannya, kajian ini mempunyai lima bab. Bab 1 ini membincangkan mengenai pengenalan, permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian, skop kajian, sorotan kajian literatur, kepentingan kajian, metodologi kajian, definisi istilah dan struktur tesis. Pengenalan kajian ini menerangkan secara terperinci mengenai keberkesanan penggunaan laman sesawang untuk sesebuah organisasi dan permasalahan kajian diterangkan dalam bab ini bagi memastikan kajian dapat dijalankan. Sorotan kajian lepas dan metodologi kajian dihuraikan secara ringkas dalam bab ini.

Seterusnya, Bab 2 membincang mengenai sorotan kajian lepas dan kerangka teori bagi kajian ini. Sorotan kajian adalah kajian-kajian yang mempunyai kaitan dengan tajuk kajian yang dilakukan oleh pengkaji lepas untuk mendapatkan maklumat tambahan. Kerangka teori yang digunakan juga diterangkan secara ringkas dalam bab ini.

Disamping itu, bagi Bab 3 dalam kajian ini membincangkan tentang metodologi kajian dan kaedah analisis yang digunakan dalam kajian secara menyeluruh. Perbincangan bab ini merangkumi reka bentuk kajian, pengumpulan data, persempelan kajian, instrument kajian dan kaedah analisis yang akan dianalisis bagi mendapatkan maklumat yang tepat.

Bab berikutnya adalah Bab 4 yang membincangkan dapatan hasil kajian. Segala maklumat yang diperoleh dianalisis di dalam menggunakan kaedah deskriptif statistik dalam bentuk peratusan untuk memastikan objektif yang ditetapkan tercapai.

Bab yang terakhir ialah Bab 5. Pada bab ini menghuraikan serta membincangkan mengenai perbincangan dan cadangan kajian akan datang. Rumusan juga dilakukan untuk menghuraikan pencapaian objektif.

BAB 2

SOROTAN KAJIAN LEPAS

2.1 PENGENALAN

Bab ini menerangkan kesan penggunaan laman sesawang terhadap institusi permuziuman. Terdapat beberapa penerangan maksud istilah yang digunakan dalam menjalankan kajian ini. Dalam bab ini juga telah menjelaskan kelebihan dan manfaat laman web ke atas muzium orang asli di Gombak untuk memelihara warisan budaya masyarakat orang asli.

2.2 ORANG ASLI

Orang asli merupakan penduduk terawal tanah semenanjung Malaysia iaitu sejak 5000 tahun lalu. Asal usul orang asli ini berasal daripada negeri China dan Tibet sebelum tiba ke semenanjung Tanah Melayu dan kepulauan Indonesia. Sekarang komuniti orang asli ini menjadikan masyarakat pribumi sebagai golongan minoriti di Semenanjung Malaysia (Nicholas, 2000). Orang asli atau orang asal adalah kumpulan manusia yang mendiami sesuatu kawasan dan mempunyai bahasa dan budaya yang sama. Di Malaysia orang asli adalah penduduk di semenanjung negara sahaja, namun pembahagian suku kaum adalah mengikut pecahan etnik di beberapa kawasan. Setiap suku kaum mempunyai paras rupa, bahasa, budaya dan penempatan yang berlainan. Antara suku kaum di Malaysia ialah Mah Meri, Jakun, Temuan, Temiar dan Jah Hut (Harun, N., & Hamid, N. A., 2010).

Maksud "pribumi" iaitu merujuk kepada orang asal atau Orang Asli di Semenanjung Malaysia, dan kaum lain seperti orang Melayu, penduduk asal Sabah dan Sarawak pula merujuk "bumiputera". Kenyataan ini telah termaktub dalam Akta 134 iaitu menjelaskan bahawa istilah Orang Asli akan digunakan hanya bagi individu yang berstatus masyarakat asal di Semenanjung Malaysia. Akta 134 adalah suatu akta khas yang digubal bagi melindungi masyarakat Orang Asli dan hanya diterimapakai di

Semenanjung Malaysia (Roddin, R., Yusof, Y., Mukhtar, M. I., Awang, H., Bakar, F. D. A., & Hariri, T. I. A. A., 2019).

Masyarakat orang asli mempunyai pelbagai nama yang merujuk kepada suku kaum mereka, iaitu Sakai, Semang dan Jakun. Sebelum penggunaan nama mereka seperti Sakai yang membawa maksud hamba dan dalam bahasa Temiar membawa maksud orang suruhan. Penggunaan istilah sakai bagi merujuk golongan minoriti ini diubah kepada orang asli. Hal ini kerana penggunaan nama Sakai tidak sesuai digunakan, telah wujud istilah baharu iaitu sebagai contoh, Orang Darat, Orang dalam, Orang Dusun, Orang hutan dan sebagainya. Pada tahun 1950an selepas tertubuhnya Jabatan Hal ehwal Orang Asli, istilah "Orang Asli" telah digunakan secara rasmi (Muzium Pribumi 2007)

Terdapat 3 suku kaum Orang asli yang utama iaitu Negrito Senoi dan Mealyu-Proto dan telah dipecahkan kepada 6 suku kaum dengan penggunaan bahasa yang pelbagai, selain dialek bahasa melayu tempatan (JAKOA,2011)

Merujuk kepada statistik dan rekod tahunan, terdapat lebih 178,000 masyarakat Orang Asli yang ada di Semenanjung Malaysia, iaitu mewakili 0,55% daripada keseluruhan penduduk Malaysia. (Kementerian Luar Bandar dan Wilayah Pembangunan) tiga suku kaum utama masyarakat asli iaitu (Semang, Senoi, Proto-Melayu) dapat dibezakan merujuk kepada aktiviti ekonomi, penampilan fizikal dan bahasa penghantar mereka (Hood,2006)

Merujuk Seksyen 3 dalam Akta Orang Asli 1954 (Akta 134) Orang Asli dapat ditakrifkan sebagai:

i) Mana-mana kumpulan daripada etnik Orang Asli dimana bapanya yang bercakap bahasa Orang Asli, lazimnya semua kumpulan tersebut akan turut mengikut budaya dan adat kepercayaan. Termasuklah keturunan melalui lelaki itu;

ii) Mana-mana orang yang dijadikan sebagai anak angkat semasa umur daripada kecil dan dibesarkan sebagai orang Asli, lazimnya akan bertutur dalam bahasa Orang Asli serta gaya hidup orang Asli dan adat kepercayaan. Malah akan menjadi ahli daripada sesebuah suku kaum masyarakat Orang Asli itu sendiri atau;

iii) Anak daripada mana-mana suku kaum antara seorang perempuan Orang Asli dengan seorang lelaki daripada suku kaum yang lain, dengan syarat anak itu bertutur dalam bahasa Orang Asli dan kepercayaan Orang asli masih dipegang, akan tetap menjadi ahli daripada sebahagian masyarakat Orang asli (JAKOA,2015)

2.3 MUZIUM ORANG ASLI

Muzium Orang Asli Gombak telah ditubuhkan dari ilham bekas Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) ke-4 iaitu Dr. Baharon Azhar bin Raffie`i, perkhidmatan beliau adalah pada tahun 1969 hingga 1986. Pada asalnya muzium orang asli ini adalah kediaman rasmi miliknya yang telah dinaiktaraf dan diubahsuaikan sesuai dengan mengikut susun atur sebuah muzium. Kerja-kerja penambahbaikan dan menghimpunkan koleksi mengambil masa selama 6 tahun untuk dilengkapkan, malah Dr. Baharon Azhar bin Raffie`i juga turut menyumbang tenaga dan idea sepanjang kerja penaiktarafan ini dilakukan. Akhirnya perasmian Muzium Orang asli Gombak telah dirasmikan pada 29 September 1987 oleh Tun Dr Mahathir bin Mohamad iaitu bekas Perdana Menteri Malaysia ke-4 dan ke-7. Penubuhan muzium ini berobjektifkan untuk mengabadikan sejarah silam masyarakat orang asli sebagai bahan sejarah, mengumpul, memelihara dan mempamerkan segala bentuk warisan budaya peninggalan masyarakat orang asli untuk tatapan generasi masa kini dan akan datang juga berperanan sebagai pusat penyelidikan sejarah dan budaya serta latar belakang masyarakat orang asli.

Pada tahun 1995, pembinaan baharu bangunan muzium telah dijalankan bagi menggantikan binaan asal. Hal ini berlaku setelah terdapat cadangan yang diusulkan oleh Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA). Masa yang diambil untuk mengisi dan mengumpulkan pameran adalah sepanjang 2 tahun manakala kos pembinaan bangunan

baharu muzium adalah sebanyak RM3.5 juta dan pada 19 Jun 1998, ia telahpun siap dibina. Perasmian kali ini telah dilakukan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Ke-11 iaitu Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj Ibni Almarhum Sultan Hishamuddin Alam Shah Alhaj dan secara rasmi dibuka untuk menerima lawatan pengunjung pada 2 Mac 2000. Selepas daripada itu, muzium telah dilihat memainkan peranannya untuk terus memelihara dan memulihara artifak-artifak yang berkaitan dengan kaum orang asli di semenanjung Malaysia, memaparkan dan mengekalkan warisan sejarah, tradisi serta sosio-budaya orang asli yang semakin hilang ditelan arus pembangunan, membentuk dan membangunkan pusat pengumpulan maklumat mengenai warisan sejarah dan memperagakan koleksi artifak kepada umum.

2.4 KEBERKESANAN LAMAN SESAWANG

Laman sesawang atau lebih dikenali sebagai *website* adalah sebuah laman yang berupaya untuk mempamerkan maklumat melalui teks, gambar, video, suara dan animasi dalam satu ruang yang medium dan berkesan kepada pengguna. Ia ditempatkan di dalam internet dan mempunyai dokumen berformat HTML (*Hyper Text Markup Language*), kebolehan mengakses laman web adalah melalui HTTP (*Hypertext Transfer Protocol*) untuk menyalurkan maklumat daripada penyampai kepada pengguna (N., & Ahmad, H., 2019). Kerajaan Malaysia lebih mengesyorkan penggunaan platform perkhidmatan atas talian dalam semua agensi kerajaan ketika era industry 4.0 ini. Rata-rata pekerja masa kini memiliki kemahiran asas dan pengetahuan dalam ICT (*information and communication technology*) dan secara tidak langsung telah meningkatkan penerimaan dalam penggunaan aplikasi dalam talian untuk menjalankan sistem organisasi. Kecekapan sistem penyampaian maklumat dapat ditingkatkan dengan menggunakan aplikasi dalam talian dan ICT. Terdapat satu kajian yang dijalankan terhadap penggunaan sistem e-Kerajaan oleh Noraidah Sahari pada tahun 2009 telah mendapati kualiti akses berfungsi dalam keadaan yang sangat baik dan mencapai kepuasan pengguna (Pitchan, M. A., 2020).

Menurut Habibah Ahmad (2019) populariti Internet di negara ini adalah disebabkan ia menjadi medium komunikasi, pembelajaran, hiburan dan perniagaan utama yang membawa perubahan besar dalam kehidupan kita. Seorang pelajar kini boleh melayari beribu-ribu perpustakaan digital di seluruh dunia dalam mendapatkan maklumat mengenai pembelajaran mereka dengan hanya perlu duduk di hadapan komputer. Cara mengakses Internet sangat mudah iaitu pelajar hanya perlu menyambungkan komputer dengan talian telefon dan kemudiannya mendail kepada talian syarikat Internet yang telah dilanggan mereka. Jika berada di sekolah, kebiasaannya talian akses Internet telah disediakan dan pelajar hanya perlu membuka program perisian pelayar seperti Internet Explorer untuk memasuki Internet. Pengguna kemudiannya boleh terus mengunjungi laman web yang diingini dengan menaip alamat Internet seperti www.utusan.com.my bagi mendapatkan berita-berita dari akhbar Utusan Malaysia. Maklumat berbentuk fakta, gambar, berita dan sebagainya dari sumber yang tidak diketahui boleh juga dicari dengan mudah dengan menggunakan laman web enjin pencari seperti www.yahoo.com, www.google.com atau www.cari.com.my.

2.5 KERANGKA TEORI

Kerangka teori adalah asas kepada sesebuah kajian yang dijalankan. Penerangan secara sanifik dalam teori dapat menyokong keperluan kajian yang ingin dijalankan dengan fakta yang sahih dan tepat. Dengan itu, pengkaji mampu menjelaskan tujuan kajian dijalankan terhadap permasalahan yang dinyatakan (I Rizany,2006).

2.5.1 Teori Fungsionalisme

Teori yang digunakan dalam kajian ini adalah teori fungsionalisme dalam antropologi. Teori fungsionalisme merujuk budaya dalam masyarakat yang mempunyai peranan pada setiap seseorang individu dalam kehidupan mereka. Dalam perspektif masyarakat pula menunjukkan sesuatu kumpulan itu mempunyai tanggungjawab dalam bidang kemahiran mereka (M. Albertrand, 2020).

Dalam kajian ini, pengkaji menyifatkan fungsi laman sesawang sebagai satu sistem yang dikendalikan oleh ahli berkemahiran untuk menyampaikan maklumat kepada masyarakat umum iaitu pengguna dalam talian di seluruh dunia. Disini kita dapati institusi per muzium berfungsi dalam penjagaan warisan bahan sejarah (Zuraidah Hassan, Ab. Samad Kechot, 2012). Teknologi multimedia baharu dapat membantu melancarkan penyampaian maklumat dengan lebih cepat dan berkesan.

2.6 KESIMPULAN

Kesimpulannya, pada bab ini pengkaji akan menggunakan kajian-kajian lepas sebagai rujukan tambahan bagi kajian yang akan dijalankan. Pengkaji memperoleh kajian-kajian daripada pengkaji lepas dengan pecahan tajuk kajian yang berkaitan iaitu keberkesanan laman sesawang kepada Muzium Orang Asli di Gombak. Selain itu pada bab ini, pengkaji menjelaskan kerangka teori yang berkaitan dengan kajian iaitu teori fungsionalisme sebagai bukti kesahihan kajian ini dijalankan.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 PENGENALAN

Bab tiga membincangkan metodologi kajian yang digunakan dalam kajian ini. Rekabentuk kajian adalah menggunakan kaedah kualitatif untuk mendapatkan jawapan dan kesimpulan. Pengumpulan data primer dan data sekunder terdiri dengan temubual, pemerhatian dan rujukan sumber daripada artikel dan jurnal. Kaedah persampelan berfokus juga digunakan untuk mendapatkan analisis data.

3.2 REKABENTUK KAJIAN

Rekabentuk kajian adalah kaedah untuk memperoleh jawapan daripada persoalan dalam kajian. Kaedah yang digunakan akan menentukan bagaiman kajian akan dijalankan sama ada dalam bentuk kualitatif atau kuantitatif. Pengumpulan maklumat ini adalah berbeza dari segi penilaiannya, iaitu kualitatif akan menumpukan kepada kelompok tertentu manakala secara kualitatif akan lebih terbuka untuk mendapatkan jawapan daripada masyarakat umum (Hanirah Mohamad Nur, 2007). Dalam kajian ini pengkaji menggunakan kaedah kualitatif untuk mendapatkan pengumpulan data.

3.2.1 Kaedah Kuantitatif

Fraenkel (2007), pendekatan kaedah kuantitatif merupakan penyelidikan yang menekankan kepada objektif kajian dan dikawal melalui pengumpulan dan analisis data. Menurutnya lagi, Penggunaan ujian statistik terhadap sesuatu kajian merupakan sebagai satu kaedah untuk menerangkan, menjelaskan atau mencari perhubungan antara pemboleh-pembolehubah di dalam kajian. Wimmer (1987) dan Dominick (1997) menyatakan kaedah ini akan menggunakan maklumat dan data yang sedia ada sebagai sumber maklumat yang utama. Oleh itu, kaedah kuantitatif dalam kajian ini menggunakan satu set ujian soal selidik yang bertujuan bagi mendapatkan data tentang pandangan dan pendapat orang awam terhadap kandungan, maklumat dan susun atur

laman sesawang serta pengetahuan orang awam tentang muzium, laman sesawang dan kewujudannya.

3.3 PENGUMPULAN DATA

Pengkaji akan menggunakan sumber-sumber yang diperlukan dalam memperolehi sesuatu data. Pada bahagian ini pengkaji telah menggunakan dua kaedah pengumpulan data iaitu data secara primer dan data secara sekunder. Proses pengumpulan pemboleh ubah dan penyelidik akan menetapkan prosedur, teknik dan aspek yang padan dengan kajiannya dalam pengumpulan data. Kaedah pengumpulan data yang sepadan dengan kajian sangat perlu untuk mengukuhkan data yang didapati adalah tepat dan sepadan dengan kajian yang dibuat. Kebiasaannya, penggunaan satu kaedah tidak memberi bayangan yang sebenar dalam persoalan kajian (Sudirman, N., & Hamid, Z., 2016).

3.3.1 Data Primer

Data primer merupakan data yang diperolehi secara langsung daripada responden dengan menggunakan kaedah kajian yang telah ditetapkan. Menurut (Huzairah et.al,2012) data primer adalah data yang diperolehi secara langsung oleh informasi selain dikenali sebagai "data tangan pertama".

Bagi pengumpulan data secara primer, pengkaji akan menggunakan kaedah pemerhatian iaitu melihat susun atur laman sesawang yang sedia ada dan jumlah hit pelawat secara berkala. Bagi data primer yang kedua adalah mengedarkan borang soal selidik untuk mengetahui pendapat dan pengetahuan responden tentang kewujudan muzium, laman sesawang dan susun aturnya.

a) Soal Selidik

Jones dan Clarke (1994), berpendapat bahawa kaedah soal selidik amat sesuai digunakan untuk mendapatkan data yang berkaitan dengan sesuatu kajian yang dijalankan. Menurut Ghazali (2003) kaedah soal selidik merupakan kaedah yang berkesan untuk mendapatkan maklumat mengenai kajian dan soal selidik juga

merupakan satu set soalan untuk mendapatkan maklumat bagi kajian. Bagi kaedah ini, kajian menyediakan satu borang soal selidik untuk mendapatkan jawapan daripada pihak responden mengenai pendapat dan pengetahuan mereka tentang muzium, laman sesawang dan kewujudannya.

Borang soal selidik diedarkan kepada orang awam melalui pautan google form untuk memperoleh maklumat. Seramai 158 orang responden telah menjawab survei tersebut. Borang itu juga telah dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu bahagian A berkaitan demografi responden terdiri daripada jantina umur dan bangsa. Bahagian B pula tentang pendapat pengguna mengenai rekabentuk susun atur laman sesawang itu dan akhir sekali bahagian C adalah pengetahuan pengguna tentang Muzium Orang Asli dan laman sesawang Muzium Orang Asli.

b) Pemerhatian

Kaedah pemerhatian ini dipecahkan kepada dua iaitu, pemerhatian secara terus dan pemerhatian melalui penglibatan. Menurut (Jasmi,2015) pemerhatian secara terus ini tidak akan melibatkan komunikasi antara responden sebaliknya akan melakukan menggunakan persepsi setelah mengamati sesebuah situasi dalam kata lain, kaedah ini tidak akan melibatkan sebarang komunikasi secara terus. Manakala bagi kaedah pemerhatian melalui penglibatan adalah dengan melibatkan diri dengan masyarakat yang akan dikaji bagi memahami dengan lebih jelas tentang sesuatu isu yang akan diketengahkan.

Pengkaji akan menggunakan kaedah pemerhatian secara terus iaitu dengan pemerhatian tunggal dalam waktu yang singkat. Pengkaji akan mengambil masa selama beberapa beberapa minggu untuk melihat susun atur laman sesawang dan jumlah hit pelawat secara berkala iaitu dua minggu sekali.

3.3.2 Data Sekunder

Data sekunder merupakan sumber yang telah dibuku dan diterbitkan untuk tujuan rujukan. Data ini diperolehi melalui carian sumber bahan ilmiah, rujukan dan pencarian.

Jadi, data sekunder ini tidak langsung diperoleh dari peneliti dari sesuatu subjek penelitiannya. Menurut Nugroho, F. E. (2016) data sekunder adalah sumber yang berfungsi sebagai alat yang dalam melengkapi data primer iaitu rujukan yang diperlukan dalam menyokong data primer.

Pengkaji membuat rujukan dan pencarian data secara dalam talian seperti e-journal, rujukan daripada buku-buku penulisan dan berita-berita bernama untuk mendapatkan isu semasa berkaitan iaitu kelebihan teknologi maklumat baharu terhadap pengoperasian sesebuah institusi. Selain itu pengkaji juga menggunakan laman sesawang seperti Google Scholar, ResearchGate dan Jstor. Dengan sokongan dari data sekunder, pengkaji dapat memperolehi data-data yang penting terutama dalam mencari sorotan kajian tentang topik- topik yang dibincangkan iaitu keberkesanan laman sesawang terhadap Muzium Orang Asli di Gombak.

a) Artikel/Jurnal

Dalam pengumpulan data dan sorotan kajian lepas, pengkaji membuat carian sumber dan rujukan melalui artikel dan jurnal. Terdapat beberapa tajuk artikel dan jurnal yang berkaitan dengan kajian keberkesanan laman sesawang terhadap Muzium Orang Asli di Gombak.

3.4 PERSAMPELAN

Persampelan adalah salah satu proses penting dalam memilih sesebuah kumpulan responden yang wujud dalam populasi tertentu. Persampelan ini akan memudahkan pengkaji untuk menetapkan berapa jumlah dan siapa yang akan dipilih dalam memperoleh data yang diperlukan dalam membantu menyiapkan kajian ini. Menurut Nasrin, N., & Morshidi, A. H. (2019) pengkaji perlu melakukan pertimbangan sendiri semasa memilih responden yang paling sesuai agar dapat meningkatkan lagi data yang akan dikumpulkan.

Dalam kaedah persampelan pengkaji akan memilih kurator Muzium Orang Asli di Gombak sebagai sampel kajian yang akan dijalankan. Anggaran jumlah persampelan adalah seramai 5 orang. Saiz sampel berskala kecil kerana pengkaji menggunakan sampel fokus iaitu hanya kurator muzium Orang Asli di Gombak sahaja yang diperlukan dalam menjawab persoalan kajian. Pemilihan persampelan ini adalah dengan cara menghubungi dan mengadakan janji temu dalam mengumpul data-data yang diperlukan.

Bagi langkah dalam persampelan, terdapat dua jenis persampelan iaitu persampelan kebarangkalian dan persampelan bukan kebarangkalian. Persampelan yang akan digunakan oleh pengkaji adalah persampelan bukan kebarangkalian kerana pengkaji menggunakan pendekatan kualitatif dalam kajian yang dijalankan. Bagi persampelan bukan kebarangkalian, pengkaji memilih teknik persampelan bertujuan. Menurut (Noorajamsha Nasrin, Azizan H Morshidi, 2018) dengan menggunakan kaedah persampelan bertujuan pengkaji boleh memastikan responden yang khusus dan bersesuaian dengan kajian. Teknik pensampelan ini akan mempertimbangkan posisi responden dikalangan kakitangan muzium yang paling sesuai berkenaan kajian yang dijalankan. Semasa menjalankan kajian, pengkaji akan meminta kebenaran terlebih dahulu kepada pegawai Muzium Orang Asli di Gombak itu agar tidak mengganggu tugas kakitangan di dalam muzium. Kaedah ini akan digunakan terhadap responden-responden yang dipilih.

3.5 INSTRUMEN

Instrumen kajian adalah medium yang digunakan dalam membantu pengkaji memperolehi keseluruhan data sepanjang kajian dijalankan. Instrumen Kajian ini akan digunakan dalam merekod sebarang data yang diperolehi daripada responden yang dipilih.

3.5.1 Perakam Suara

Pengkaji akan menggunakan alat perakam suara dalam merkod sumber-sumber yang diperolehi dan dikongsikan oleh para responden. Alat perakam suara ini akan

dijadikan sumber utama ketika bersemuka secara langsung dengan responden. Bagi alat perakam ini, pengkaji akan menemu ramah kurator Muzium Orang Asli, Gombak dalam mengenalpasti keberkesanan laman sesawang rasmi kepada Muzium Orang asli itu sendiri.

3.5.2 Kamera

Pengkaji akan menggunakan instrumen kamera dalam mengambil beberapa gambar koleksi-koleksi yang terdapat di Muzium Orang Asli, Gombak. Gambar yang diambil adalah bertujuan untuk membandingkan bagaimana perbezaan antara penyampaian informasi dalam laman web rasmi Muzium Orang Asli dan Muzium Orang Asli itu sendiri.

3.6 ANALISIS DATA

Analisis data adalah proses untuk mengolah data daripada data mentah dengan membuat penelitian ke atas data-data yang penting untuk mencari pecahan jawapan kepada permasalahan kajian (Hastono, S. P.,2001). Manakala menurut Bogdan, Taylor (1975) analisis data adalah proses yang memperincikan percubaan formal untuk mencari tema dan merumuskan idea seperti yang terdapat dalam data dan dalam usaha untuk memberikan bantuan kepada tema dan hipotesis tersebut. Tujuan analisis data adalah untuk menerangkan data sehingga dapat difahami, kemudian membuat kesimpulan.

Dalam kajian ini pengkaji menggunakan teknik pengolahan data secara deskriptif iaitu penelitian ke atas satu permasalahan menggunakan data-data yang sesuai dengan kajian. Proses penganalisan data berlaku sepanjang kajian mempunyai tiga peringkat iaitu penapisan data, penyusunan dan menyimpulkan. Di dalam setiap peringkat terdapat beberapa langkah dan teknik yang digunakan untuk memudahkan pengkaji menemui data yang sangat penting dan tepat dengan kajian.

a) Menyusun data

Pengkaji akan mengumpul segala data sepanjang kajian diadakan. Data-data yang diperolehi terutama dari data primer melalui teknik pemerhatian dan temubual akan dikategorikan mengikut topik dan difokuskan, pengkaji akan menyemak semula sama ada hasil yang dikumpulkan samaada penting atau sebaliknya.

b) Mencari dan menyusun idea serta konsep

Pengkaji akan menyemak setiap pecahan yang telah dilakukan bagi memilih idea dan konsep lalu menyusunkannya. Dengan cara ini, pengkaji akan dapat melihat idea-idea penting hasil daripada keseluruhan data yang diperolehi kemudian akan mengklasifikasikan idea-idea ini untuk membina keseluruhan tema yang tepat menggunakan kod sama ada pernomboran ataupun spesifikasi huruf mengikut klasifikasi data yang penting.

c) Membina tema

Idea-idea yang telah dikeluarkan oleh pengkaji akan dikumpulkan dibawah satu tema utama. Pengkaji akan menyenaraikan tema-tema yang dapat dijelaskan melalui hasil dari responden, lalu memilih tema yang paling sesuai dengan kajian yang dijalankan.

d) Memastikan kebolehpercayaan dalam analisis data

Pengkaji akan menggunakan beberapa jenis triangulasi iaitu cara akhir dalam memastikan data-data yang diperolehi diuji kesahannya. Menurut (Othman,2012) triangulasi adalah kaedah yang bersifat subjektif dalam meningkatkan kesahan data yang dikumpul. Terdapat dua kaedah triangulasi yang dapat digunakan iaitu dari triangulasi dari pelbagai sumber atau triangulasi dari pelbagai kaedah.

e) Memberi penjelasan tentang keseluruhan langkah akhir

Selepas pengkaji menggunakan kaedah triangulasi dan telah mempunyai analisis data yang tepat. Pengkaji akan membuat laporan akhir, tentang tema utama dan idea-idea dari data yang dikumpul semasa proses kajian dijalankan. Pengkaji akan

mengaitkan semua idea dan tema yang merupakan bahagian penting dalam penyediaan laporan akhir kajian. Dalam laporan akhir ini, pengkaji akan memberi penjelasan tentang kaedah yang digunakan, apakah hasil yang dapat dibincangkan serta implikasi yang dihadapi semasa memperolehi data-data terutama daripada responden

3.7 KESIMPULAN

Bab ini bertujuan untuk merangka proses kajian yang dijalankan iaitu kajian secara kualitatif yang menentukan kaedah pengumpulan data yang digunakan. Selain itu, pengkaji akan melihat bagaimana hasil data yang dikumpul dan analisis bagi mendapat kesahihan serta data yang mencukupi bagi menyiapkan kajian yang dijalankan. Kaedah-kaedah yang digunakan ini sekaligus akan memudahkan pengkaji untuk menentukan data yang diperolehi melalui banyak sumber dan hasil dari instrumen yang digunakan.

BAB 4

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

4.1 PENGENALAN

Bab ini membincangkan hasil dapatan kajian dilakukan terhadap orang awam melalui borang soal selidik bagi mendapatkan maklum balas pengguna tentang pengetahuan dan pendapat mereka mengenai Muzium Orang Asli, laman sesawang Muzium Orang Asli dan rekabentuk susun atur laman sesawang tersebut. Dapatan kajian ini diperolehi melalui kaedah soal selidik dan pemerhatian di laman sesawang rasmi Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) dianalisis untuk mendapatkan statistik seperti kekerapan dan peratusan yang dibentangkan dalam bentuk jadual.

4.2 DEMOGRAFI RESPONDEN

Pengkaji telah mempunyai seramai 158 responden iaitu orang awam bagi memperolehi data kajian dalam menjawab objektif yang ditetapkan. Pada bahagian demografi borang soal selidik, pengkaji meletakkan sebagai bahagian A iaitu terdapat jantina, umur, dan bangsa. Data-data daripada responden ini telah dipersembahkan dalam bentuk jadual seperti berikut.

4.1.1 Kategori Jantina bagi Responden

Jadual 4.1: Kategori Jantina bagi Responden

KATEGORI		JUMLAH	PERATUS
JANTINA	LELAKI	65	58.9%
	PEREMPUAN	93	41.1%

Bagi demografi responden iaitu jantina, dilihat lebih ramai responden perempuan daripada lelaki iaitu perempuan seramai 93 responden (41.1%) dibandingkan dengan lelaki seramai 65 responden (58.9%) sahaja. Ini menunjukkan responden wanita lebih ramai menjawab borang soal selidik ini dibandingkan dengan responden lelaki.

4.1.2 Kategori Umur bagi Responden

Jadual 4.2: Kategori Umur bagi Responden

KATEGORI		JUMLAH	PERATUS
UMUR	18 tahun ke bawah	12	7.6%
	19-25	70	44.3%
	26-40	43	27.2%
	41-55	17	10.8%
	55 tahun ke atas	16	10.2%

Bagi kategori umur, pengkaji membahagikan kepada lima peringkat umur iaitu 18 tahun ke bawah, 19-25 tahun, 26-40 tahun, 40-55 tahun dan 55 tahun ke atas. Bagi kelima-lima peringkat umur ini, pengkaji mendapati bahawa peringkat umur 19-25 tahun paling banyak menjawab soal selidik ini iaitu seramai 70 responden (44.3%). Diikuti dengan umur 26-40 tahun iaitu seramai 43 responden (27.2%). Paling sedikit bilangan peringkat umur yang menjawab soal selidik ini adalah berumur 55 tahun keatas dengan 16 responden sahaja (10.2%) seterusnya diikuti dengan golongan berumur 41-55 tahun dengan perbezaan 1 sahaja iaitu 17 responden (10.8%).

4.1.3 Kategori Bangsa bagi Responden

Jadual 4.3: Kategori Bangsa bagi Responden

KATEGORI		JUMLAH	PERATUS
BANGSA	MELAYU	132	83.5%
	CINA	12	7.6%
	INDIA	14	8.9%

Bagi bahagian bangsa responden terdapat tiga pecahan bangsa iaitu Melayu, Cina dan India. Jumlah responden yang paling ketara dilihat seperti jadual di atas adalah bangsa melayu iaitu dengan jumlah 132 responden (83.5%) diikuti dengan bangsa India dengan bilangan responden seramai 14 (8.9%) dan seterusnya bangsa Cina dengan 12 responden (7.6%) sahaja.

4.3 REKABENTUK SUSUN ATUR LAMAN SESAWANG MUZIUM ORANG ASLI

GOMBAK

Pendapat responden tentang rekabentuk susun atur yang digunakan di laman Muzium Orang Asli sedia ada di laman sesawang rasmi Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA). Ukuran diambil dari segi kandungan yang tersusun, menarik dan mencukupi dengan maklumat yang terkini.

4.3.1 Pandangan pengguna terhadap susun atur laman sesawang

Jadual 4.4: Pandangan Pengguna Susun atur Laman Sesawang

ITEM	SETUJU		TIDAK SETUJU		KURANG SETUJU		TIDAK PASTI	
	N	%	N	%	N	%	N	%
Mempunyai susun atur yang tersusun dan menarik	57	36.1	33	20.9	32	20.3	36	22.8
Penggunaan warna yang sesuai dan menarik.	49	31	34	21.5	37	23.4	38	24.1
Mempunyai informasi asas yang lengkap.	75	47.5	27	17.1	19	12	37	23.4
Laman sesawang dikemaskini dengan maklumat terkini.	56	35.4	40	25.3	24	15.2	38	24.1
Menggunakan grafik yang berwajah lebih moden.	40	25.3	35	22.2	39	24.7	44	27.8
Muzium Orang Asli perlu mempunyai laman sesawang yang khusus.	109	69	17	10.8	12	7.6	20	12.7

Bagi bahagian susun atur laman sesawang Muzium Orang Asli Gombak ini dari sudut pandangan pengguna, terdapat enam item yang disertakan dalam borang soal selidik yang dijawab oleh seramai 158 responden. Item pertama iaitu mempunyai susun atur yang tersusun dan menarik, seramai 57 responden (36.1%) yang menandakan setuju dengan pernyataan berikut manakala bagi tidak setuju adalah seramai 33 responden (20.9%). Bagi skala tidak pasti pula seramai 36 responden (22.8%) yang menandakannya menyatakan bahawa tidak pasti sama ada susun atur laman sesawang tersebut menarik dan tersusun.

Pada item kedua iaitu penggunaan warna yang sesuai dan menarik, dilihat banyak responden yang menandakan setuju iaitu seramai 49 responden (31%) dibandingkan dengan tidak setuju iaitu 34 responden (21.5%). Manakala bagi responden yang menandakan tidak pasti adalah seramai 38 responden (24.1%).

Bagi mempunyai informasi asas yang lengkap dan menarik pula dilihat 49 responden (31%) yang bersetuju dengan pernyataan berikut, 34 responden tidak bersetuju (21.5%) dan 38 responden (23.4%) yang tidak pasti. Responden yang kurang bersetuju tidak kurang banyaknya iaitu seramai 19 responden dengan peratusan (12%).

Item keempat iaitu laman sesawang yang dikemaskini maklumatnya dilihat banyak responden yang turut bersetuju iaitu seramai 56 responden (35.4%), bagi tidak bersetuju pulak adalah seramai 40 responden (35.3%). Untuk bilangan responden yang kurang bersetuju adalah dicatatkan seramai 24 responden (15.2%) dan bagi yang tidak pasti adalah seramai 38 responden (24.1%).

Penggunaan grafik yang bewajah moden seperti yang tertera di jadual diatas mendapati seramai 44 responden (27.8) dengan pilihan jawapan tidak pasti, dan 40 responden (25.3%) dengan pilihan setuju, manakala bagi tidak bersetuju adalah seramai 35 responden (22.2%).

Bagi item terakhir iaitu, Muzium Orang Asli perlu mempunyai laman sesawang yang khusus. Seramai 109 responden (69%) bersetuju berbanding dengan tidak bersetuju iaitu perbezaan yang besar dengan hanya 17 responden (10.8%) sahaja dan terdapat 20 responden (12.7%) yang tidak pasti tentangnya.

Kesimpulannya, majoriti berpendapat laman sedia ada kini mempunyai rekabentuk yang agak kurang menarik dari segi susun atur, penggunaan warna, grafik dan kurang kemaskini maklumat semasa tentang muzium.

4.3.2 Pendapat pengguna tentang maklumat, kandungan dan susun atur yang ada pada laman sesawang.

Jadual 4.5: Pendapat Pengguna Tentang Kandungan Laman Sesawang.

Bil.	Pandangan	Jumlah
1.	Baik/ <i>Great</i> , okay, sangat menarik, menarik.	23
2.	Memberi maklumat dengan mudah dan bermanfaat.	27
3.	Perlu ditambahbaik dan dikemaskini dari semasa ke semasa.	19
4.	Tidak menarik, kurang menarik, kurang gambaran visual, kurang maklumat dan informasi.	42
5.	Susun atur kurang kemas, tidak kemas dan tidak teratur	12
6.	Tidak tahu dan tidak pasti.	5
7.	Perlukan lebih promosi.	7

Dalam jadual ini melampirkan pendapat responden yang terbahagi kepada dua pandangan iaitu positif dan negatif. Terdapat 55 responden telah memberi pandangan positif manakala seramai 88 responden pula telah memberi pandangan yang negatif. Pandangan positif didapati memberi komen secara keseluruhan terhadap laman sesawang, berlainan pula dengan pandangan negatif. Rata-rata responden banyak menunjukkan ketidakpuasan tentang kandungan laman sesawang sedia ada dan juga telah memberikan pendapat dan cadangan tentang maklumat, kandungan dan susun atur laman sesawang tersebut.

4.4 KEPERLUAN LAMAN SESAWANG SEBAGAI SISTEM PENYAMPAIAN KEPADA MUZIUM ORANG ASLI GOMBAK

Pengkaji mengambil maklum balas responden tentang pengetahuan berkenaan Muzium dan laman sesawangnya. Hal ini bagi mengenalpasti kesedaran pengguna tentang kewujudan laman sesawang Muzium Orang Asli yang berfungsi sebagai penyampaian maklumat dan perkongsian informasi kepada orang awam

4.4.1 Pengetahuan orang awam terhadap Muzium Orang Asli

Jadual 4.6: Pengetahuan Orang Awam Terhadap Muzium Orang Asli

ITEM	YA		TIDAK	
	N	%	N	%
Adakah anda mengetahui bahawa terdapat Muzium Orang Asli di Gombak, Selangor?	85	53.8	73	46.2
Adakah anda mengetahui cawangan Muzium Orang Asli yang terdapat di negeri-negeri lain?	75	47.5	83	52.5
Adakah anda pernah berkunjung ke Muzium Orang Asli di Gombak?	48	30.4	110	69.6
Adakah anda mengetahui pameran yang disediakan oleh pihak muzium?	56	35.4	102	64.6
Adakah anda tahu Muzium Orang Asli dibawah kelolaan JAKOA?	68	43	90	57
Anda pernah membuat carian maklumat berkaitan masyarakat Orang Asli?	68	43	90	57

Bagi bahagian pengetahuan orang awam terhadap muzium Orang Asli ini terdapat 6 item yang telah disoal dalam borang soal selidik iaitu pertama tentang mengetahui bahawa Muzium Orang Asli terletak di Gombak. Responden yang menjawab Ya adalah lebih banyak iaitu 85 responden (53.8%) berbanding dengan yang menjawab Tidak iaitu 73 responden (46.2%).

Bagi item kedua iaitu tentang cawangan Muzium Orang Asli yang terdapat di negeri lain, responden banyak menjawab Tidak iaitu seramai 83 (52.5%) dan bilangan Ya adalah seramai 75 responden (47.5%).

Seterusnya tentang pernah berkunjung ke Muzium Orang Asli di Gombak memberi jurang jawapan yang berbeza iaitu 110 responden (69.6%) menjawab Tidak jika dibandingkan dengan jawapan Ya dengan hanya 48 responden (30.4%).

Beralih kepada mengetahui pameran yang disediakan oleh pihak muzium, banyak responden yang menjawab Tidak iaitu seramai 102 responden (64.6%) dibandingkan dengan menjawab Ya iaitu hanya 56 responden (35.4%).

Bagi item kelima iaitu Muzium Orang Asli adalah dibawah kelolaan JAKOA. Dilihat masih lagi jawapan Tidak mendominasi pilihan jawapan iaitu dengan seramai 90 responden (57%) jika dibandingkan dengan responden yang menjawab Ya iaitu 68 responden (43%).

Bagi pengetahuan terakhir tentang pengetahuan orang awam terhadap Muzium Orang Asli ini adalah pernah membuat carian maklumat berkaitan dengan masyarakat Orang Asli. Jawapan yang diterima turut memberi bilangan yang lebih kepada jawapan yang bertanda Tidak iaitu seramai 90 responden (57%) yang tidak pernah membuat carian tentang masyarakat orang asli dibandingkan dengan yang menjawab Ya seramai 68 responden (43%) sahaja.

Kesimpulannya, kebanyakan responden mengetahui tentang kewujudan Muzium Orang Asli ini tetapi mereka tidak mengetahui tentang pameran yang disediakan dan banyak maklumat lain tentang Muzium Orang Asli ini kerana tidak berpeluang untuk berkunjung ke sana.

4.4.2 Pengetahuan orang awam terhadap laman Web Muzium Orang Asli.

Jadual 4.7: Pengetahuan Orang Awam Terhadap Laman Web Muzium Orang Asli.

ITEM	YA		TIDAK	
	N	%	N	%
Muzium Orang Asli Gombak mempunyai laman sesawang khusus.	98	62	60	38
Adakah anda tahu tentang kewujudan laman sesawang Muzium Orang Asli?	64	40.5	94	59.5
Laman sesawang Muzium Orang Asli mudah ditemui.	64	43	90	57
Mempunyai latar belakang tentang Muzium Orang Asli.	106	67.1	52	32.9
Mempunyai makluman waktu operasi muzium.	114	72.2	44	27.8

Pada bahagian pengetahuan orang awam terhadap laman web Muzium Orang Asli ini, pengkaji menyenaraikan lima soalan seperti yang ditunjukkan pada jadual diatas yang perlu dijawab oleh responden. Pertama tentang Muzium Orang Asli Gombak yang mempunyai laman sesawang yang khusus. Data mendapati ramai yang mengetahui bahawa Muzium Orang Asli ini mempunyai laman sesawang yang khusus dengan bilangan responden yang menjawab Ya adalah seramai 98 responden (62%) berbanding yang menjawab Tidak dengan bilangan responden 60 (38%).

Bagi item kedua iaitu mengetahui tentang kewujudan laman sesawang Muzium Orang asli ini jawapan yang diterima adalah berlawanan apabila lebih ramai yang menjawab tidak iaitu dengan 94 responden (59.5%) berbanding jawapan Ya iaitu dengan 64 responden (40.5%).


Soalan ketiga iaitu berkaitan Muzium Orang Asli sesawang Muzium Orang Asli ini mudah ditemui ditanda Tidak lebih ramai iaitu dengan bilangan 90 responden (57%) berbanding jawapan Ya dengan hanya 64 responden (43%).

Soalan keempat yang ditanya pengkaji tentang pengetahuan terhadap laman web Muzium Orang Asli ini adalah laman sesawang Muzium Orang Asli ini mempunyai latar belakang. Jawapan yang diterima adalah bilangan yang menjawab Ya adalah lebih

ramai berbanding tidak iaitu dengan 106 responden (67.1%) menjawab Ya dan 52 responden (27.8%) menjawab Tidak.


Bagi item terakhir iaitu, mempunyai maklumat waktu operasi muzium, bilangan responden yang menjawab Ya adalah lebih banyak berbanding bilangan yang menjawab Tidak iaitu 114 responden (72.2%) yang menjawab Ya dan hanya 44 responden (27.8%) yang menjawab Tidak.

Kesimpulannya, ramai responden mengatakan Muzium Orang Asli mempunyai laman sesawang khusus sebagai platform perkongsian. Namun hakikatnya tiada laman sesawang khusus dan maklumat tentang Muzium hanya berada di laman di bawah laman sesawang rasmi di bawah kelolaan JAKOA sahaja.




Rajah 4.1: Jumlah Hit Pelawat Laman Utama Dan Laman Muzium Orang Asli.

Rajah di atas menunjukkan perbezaan hit bilangan pelawat antara laman utama dan muzium orang asli di laman sesawang rasmi JAKOA. Catatan jumlah hit pelawat harian dan bulanan diambil dua minggu sekali iaitu bermula pada 2 November 2021, catatan kedua pula pada 16 November 2021 dan yang terakhir pada 7 Disember 2021. Pada catatan pertama, laman utama telah mencatatkan pelawat sebanyak 152 bagi hit harian dan 7136 bagi hit bulanan manakala laman Muzium Orang Asli mencatatkan 63 pelawat bagi hit harian dan 2746 hit bulanan. Seterusnya pemerhatian pada kali kedua, laman utama mencatatkan 218 hit harian dan 7497 hit bulanan manakala Muzium Orang Asli mencatatkan hanya 78 hit harian dan 2943 hit bulanan. Catatan kali terakhir telah mencatatkan 391 hit harian dan 8776 hit bulanan di laman utama manakala 94 hit harian dan 3312 hit bulanan bagi laman Muzium Orang Asli. Hasil pemerhatian ini, pengkaji mendapati jumlah hit pelawat harian dan bulan bagi laman Muzium Orang Asli adalah lebih rendah berbanding jumlah hit bagi laman utama.




Rajah 4.2: Hit Harian Bagi Laman Utama Laman Web JAKOA.



Rajah 4.3: Hit Harian bagi Laman Muzium Orang Asli Gombak.

4.4.3 Kesedaran orang awam tentang kewujudan laman sesawang Muzium orang asli.



Rajah 4.4: Kesedaran Orang Awam Tentang Kewujudan Laman Sesawang Muzium Orang Asli.

Rajah ini menunjukkan bagaimana orang awam mengetahui tentang kewujudan laman sesawang Muzium orang asli. Seramai 64 responden (28%) mengetahuinya dari televisyen, iklan atau bahan bercetak yang lain dan 111 responden (49%) pula mengetahuinya dari internet seperti media sosial manakala 37 responden (16%) mengetahuinya dari kenalan dan ahli keluarga. Terdapat juga responden seramai 9 orang (4%) yang tidak tahu tentang kewujudannya dan 7 responden (3%) baru mengetahui tentang kewujudan laman sesawang muzium orang asli ketika menjawab survei ini.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

4.5 KESIMPULAN

Hasil daripada dapatan kajian di atas, pengkaji mendapati responden bersetuju bahawa susun atur laman sesawang perlu ditambahbaik lagi untuk menjadikan ia lebih tersusun dan menarik dan dikemaskini dengan maklumat yang lebih banyak tentang muzium ataupun aktiviti semasa disana. Selain itu, ramai juga responden tidak mengetahui tentang kewujudan laman sesawang muzium dan muzium itu sendiri. Oleh disebabkan itu, pengkaji dapat lihat bahawa hal ini perlu diwar-warkan lagi atau memerlukan promosi yang lebih lagi. Akhir sekali, setelah kajian dilakukan, keperluan mewujudkan laman sesawang khusus bagi Muzium Orang Asli ini amat penting bagi penyampaian maklumat tentang muzium kepada orang ramai lebih berkesan.

BAB 5

RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1 PENGENALAN

Bab ini membincangkan rumusan secara ringkas bagi keseluruhan bab yang telah dikaji oleh pengkaji iaitu dari bab 1 hingga bab 5 iaitu berkaitan dengan keberkesanan laman sesawang sebagai medium promosi kepada Muzium Orang Asli di Gombak. Bab ini merangkumi dari pengenalan, sorotan kajian lepas yang dirujuk daripada pengkaji-pengkaji lepas dan bab 3, metodologi kajian iaitu tentang kaedah yang digunakan oleh pengkaji dalam mengumpul dan menganalisis data-data yang diterima. Pada bab 4 masuk kepada penganalisisan data bagi dapatan kajian bagi menjadi hasil akhir yang menggunakan kaedah yang dipilih dan bersesuaian dengan kajian yang dijalankan. Manakala bagi bahagian rumusan pada bab akhir ini merupakan keseluruhan hasil akhir terhadap keberkesanan laman sesawang sebagai medium promosi bagi Muzium Orang Asli di Gombak.

5.2 RUMUSAN

Secara keseluruhannya, laman sesawang merupakan medium perantaraan yang sangat penting bagi masyarakat untuk mengetahui dengan lebih mendalam dan berkesan. Laman sesawang ini akan memberi banyak manfaat kepada orang awam terutama golongan muda untuk lebih peka terhadap masyarakat minoriti ini. Dalam memperolehi keberkesanan yang disasarkan oleh Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), cara pengelolaan laman ini semestinya perlu lebih menarik dan mudah diakses oleh orang awam. Oleh itu dapatan dari objektif pertama iaitu mengenalpasti susun atur laman sesawang Muzium Orang Asli telah diperolehi melalui borang soal selidik yang diedarkan kepada orang awam. Hasil daripada dapatan itu, pengkaji telah mengenalpasti kekurangan daripada tarikan laman sesawang itu. Majoriti responden menyatakan susun atur laman sesawang adalah agak kurang menarik dari segi susunan, warna, grafik. Selain itu, kelemahan penyampaian maklumat juga dikesan kerana kebanyakan responden menjawab maklumat yang dipaparkan tidak mencukupi, hanya mempunyai informasi asas, maklumat terhad dan tidak menarik. Justeru itu, kandungan maklumat dan reka bentuk susun atur laman sesawang perlu dititikberatkan bagi menarik minat pengguna mengakses pencarian maklumat di laman sesawang.

Bagi objektif kedua pula, untuk mengkaji keperluan laman sesawang sebagai sistem penyampaian kepada Muzium Orang Asli. Pengkaji telah mengambil maklum balas responden tentang pengetahuan mereka mengenai Muzium Orang Asli, laman sesawang Muzium Orang Asli dan kewujudannya. Hasil dapatan telah menunjukkan walaupun lebih ramai responden tahu tentang kewujudan muzium itu tetapi lebih ramai juga yang tidak pernah berkunjung ke sana. Mereka juga ramai yang tidak tahu pameran yang disediakan oleh pihak muzium. Hal ini kerana ramai responden menyangkakan Muzium Orang Asli mempunyai laman sesawang khusus namun tidak sebenarnya, ia hanya mempunyai laman di laman sesawang rasmi JAKOA. Perkara ini boleh dilihat dengan kurang akses penggunaan laman muzium orang asli di laman sesawang rasmi

JAKOA melalui perbezaannya bilangan hit pelawat di laman sesawang berbanding dengan laman utama. Hal ini berlaku disebabkan responden ada yang tidak mengetahui kewujudannya dan ada yang susah menjumpai laman sebenar Muzium Orang Asli. Maka inilah sebabnya untuk mewujudkan laman sesawang khusus bagi Muzium itu sendiri supaya lebih mudah diakses dan tidak bercampur dengan maklumat lain dan penyampaian maklumat boleh dikongsikan dengan lebih efektif.

5.3 CADANGAN

Masyarakat Orang Asli merupakan masyarakat minoriti di negara kita. Bermula dari muzium seterusnya laman sesawang sekaligus dapat mengekalkan identiti dan sejarah masyarakat Orang Asli. Oleh itu, dalam konteks laman sesawang khususnya tajuk kajian yang dijalankan adalah wajar untuk diberi lebih perhatian terutama mengaplikasikan secara maksima teknologi terkini. Justeru itu beberapa pihak perlu memainkan peranan dalam melestarikan dan melihat keberkesanan laman sesawang ini kepada masyarakat di luar sana.

5.3.1 Kos dalam Sistem Teknologi dan Maklumat

Pada masa akan datang perlu ada kajian dilakukan untuk mengkaji penggunaan dan peruntukan kos untuk membina laman sesawang khusus bagi Muzium Orang Asli di bawah pengurusan mereka sendiri. Hal ini juga penting bagi tarikan kehadiran pengunjung ke muzium untuk meneruskan kejayaan penubuhan organisasi itu sendiri. Justeru itu perlu ada kajian terperinci dalam pengurusan kewangan untuk membina sebuah laman sesawang khusus bagi Muzium Orang Asli.

5.3.2 Keberkesanan Sistem Penyampaian Maklumat kepada Jumlah Kehadiran Pengunjung

Selepas wujudnya laman sesawang khusus untuk Muzium Orang Asli, kajian jumlah kedatangan pengunjung ke muzium perlu dijalankan untuk melihat keberkesanannya menarik minat pengunjung melalui penyampaian maklumat yang ada di muzium. Hal ini juga untuk memastikan pulangan keuntungan kepada organisasi setelah melabur untuk membina sebuah laman sesawang. Jadi kajian selepas pelancaran laman sesawang rasmi Muzium Orang Asli boleh dijadikan sebagai bukti keberkesanannya.

RUJUKAN

- Abd Jalal, A. F., Yusuf, A., Abd Hamid, A. F., & Abd Rahim, R. A. (2019). Kesedaran Muzium Baru di Malaysia. *Jurnal Melayu Sedunia*, 2(1), 93-111. <https://ejournal.um.edu.my/index.php/jurnalmelayusedunia/article/view/21792>
- Abdullah, J., Borhan, M. A. A., & Ahmad, C. B. (2015). Orang asli resettlement in urban environment at Bukit Lanjan, Selangor, Malaysia. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 201, 71-79.
- ABIDIN, N. (2018). Understanding The Genetic History of the Malay and Orang Asli Populations in Peninsular Malaysia by Killer Cell Immunoglobulin-Like Receptors (KIR) (Doctoral dissertation, Pusat Pengajian Sains Perubatan, Universiti Sains Malaysia). <https://core.ac.uk/download/pdf/335390878.pdf>
- Harun, N., & Hamid, N. A. (2010). Akta Orang Asli 1954 (Akta 134): Sejauh mana melindungi hak Orang Asli: satu kajian perbandingan. <https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/33470/>
- Hassan, Z., & Kechot, A. S. (2012). Prosedur Penjagaan Koleksi Warisan: Kajian di Jabatan Muzium Malaysia. *Jurnal Melayu*, 9. <https://ejournal.ukm.my/jmelayu/article/view/5056>
- Hastono, S. P. (2001). Analisis data. Depok: Fakultas Kesehatan Masyarakat Universitas Indonesia. <https://www.sciencedirect.com/science/article/pii/S1877042815047801>
- Kadar, N., & Ahmad, H. (2019). Keberkesanan Laman Sesawang dalam Mempengaruhi Lawatan Edupelancongan Kampus. *Jurnal Wacana Sarjana*, 3(1), 1-13. mpus. <http://spaj.ukm.my/jws/index.php/jws/article/view/218>
- Michael, S., & Ambotang, A. S. (2020). Pengaruh Teknologi Digital Terhadap Penglibatan Pelajar dalam Aktiviti Kokurikulum Sekolah Menengah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5(6), 25-32. <https://www.msocsciences.com/index.php/mjssh/article/view/417>
- Nasir, M. N. M., & Muhamad, A. (2018). Koleksi Bangau Perahu Di Jabatan Muzium Malaysia: Tema Dan Makna (The Collection of 'Bangau' (Sail Guard) In Department of Museum Malaysia: A Study of Theme and Content). *Asian Journal of Environment, History and Heritage*, 2(1). <http://spaj.ukm.my/ajehh/index.php/ajehh/article/view/58>
- NASRIN, N., & MORSHIDI, A. H. (2019). Kecerdasan Emosi (Ei) Dan Perbezaan Gender Dalam Pekerjaan: Emotional Intelligence (Ei) And Gender Differences in Employment. *Jurnal Kinabalu*. <https://jurcon.ums.edu.my/ojums/index.php/ejk/article/view/1923>
- Nugroho, F. E. (2016). Perancangan Sistem Informasi Penjualan Online Studi Kasus Tokoku. *Simetris: Jurnal Teknik Mesin, Elektro Dan Ilmu Komputer*, 7(2), 717-724. <https://jurnal.umk.ac.id/index.php/simet/article/view/786>
- Nur, H. M. (2007). Persepsi pelancong terhadap aspek keselamatan: kajian kes: Daerah Johor Bahru (Doctoral dissertation, Universiti Teknologi Malaysia). <http://eprints.utm.my/id/eprint/7296/1/HanirahMohamadNurMFAB2007.pdf>

- Pitchan, M. A. (2020). Penerimaan dan Penggunaan Portal E-Warga dalam Kalangan Kakitangan Universiti Kebangsaan Malaysia. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 36(2). <https://ejournal.ukm.my/mjc/article/view/40791>
- Roddin, R., Yusof, Y., Mukhtar, M. I., Awang, H., Bakar, F. D. A., & Hariiri, T. I. A. A. (2019). Pemeliharaan Dan Pemuliharaan Budaya Komuniti Orang Asli Melalui Pelancongan Lestari. *Jurnal Dunia Pengurusan*, 1(2), 8-16. <http://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdpg/article/view/6838>
- Shaari, A. S., Yusoff, N., Ghazali, M. I., & Dali, M. H. (2016). Kanak-kanak minoriti Orang Asli di Malaysia: menggapai literasi bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1(2), 59-70. <http://spaj.ukm.my/jpbm/index.php/jpbm/article/view/30>
- SUDIRMAN, N., & HAMID, Z. (2016). Pantun Melayu Sebagai Cerminan Kebitaraan Perunggu Minda Melayu. *Jurnal Melayu*, 15(2). <http://journalarticle.ukm.my/9964/1/16184-45371-1-SM.pdf>
- Yusoff, M. Y. M. (2018). Pemuliharaan warisan budaya melalui perundangan warisan dan agensi pelaksana di Malaysia. *Jurnal Melayu*, 2(17). <https://ejournal.ukm.my/jmelayu/article/view/28661>

LAMPIRAN

Welcome to your new class homepage! From the class homepage you can see all your assignments for your class, view additional assignment information, submit your work, and access feedback for your papers. ✕
Hover on any item in the class homepage for more information.

Class Homepage

This is your class homepage. To submit to an assignment click on the "Submit" button to the right of the assignment name. If the Submit button is grayed out, no submissions can be made to the assignment. If resubmissions are allowed the submit button will read "Resubmit" after you make your first submission to the assignment. To view the paper you have submitted, click the "View" button. Once the assignment's post date has passed, you will also be able to view the feedback left on your paper by clicking the "View" button.

Assignment Inbox: Projek Penyelidikan 1					
Assignment Title	Info	Dates	Similarity	Actions	
BAB 1	①	Start 07-Jul-2021 6:01PM Due 14-Jul-2021 11:59PM Post 15-Jul-2021 12:00AM	10%	Resubmit	View
BAB 2	①	Start 07-Jul-2021 6:02PM Due 14-Jul-2021 11:59PM Post 15-Jul-2021 12:00AM	23%	Resubmit	View
BAB 3	①	Start 07-Jul-2021 6:03PM Due 14-Jul-2021 11:59PM Post 15-Jul-2021 12:00AM	13%	Resubmit	View

Rajah 1: Semakan Turnitin.



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

KAJIAN TENTANG KEBERKESANAN LAMAN SESAWANG SEBAGAI MEDIUM PROMOSI KEPADA MUZIUM ORANG ASLI DI GOMBAK

Saya Nabihah Najlaa Binti Zamri pelajar Ijazah Sarjana Muda Universiti Malaysia Kelantan Kampus Bachok. Saya sedang menjalankan sebuah kajian iaitu "Kebekkesanan Laman Sesawang sebagai Medium Promosi kepada Muzium Orang Asli di Gombak" bagi memenuhi keperluan kursus Projek Penyelidikan II CWT 4134. Borang soal selidik ini dibuat berdasarkan hasil pemerhatian daripada kajian lepas selain menjawab kepada persoalan kajian saya iaitu:

1. Bagaimanakah susun atur laman sesawang Muzium Orang Asli di Gombak?
2. Apakah keperluan laman sesawang sebagai sistem penyampaian kepada Muzium Orang Asli Gombak?

Perhatian: Segala maklumat mengenai kajian ini adalah bagi rujukan akademik dan penyelidikan sahaja. Sebarang maklumat bagi soal selidik kajian ini adalah sulit dan dirahsiakan. Saya berharap tuan/puan dapat menjawab borang soal selidik ini dengan baik dalam membantu saya menyiapkan projek penyelidikan ini. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, boleh diemelkan kepada saya iaitu: najlaa.c18a0193@siswa.umk.edu.my

Terima kasih kerana sudi meluangkan masa. Kerjasama daripada pihak tuan/puan amat saya hargai.

Soalan ini merangkumi empat (4) bahagian. Sila baca dan tandakan (/) pada jawapan yang telah disediakan dengan teliti mengikut skala yang diberi. Segala maklumat anda akan dirahsiakan.

Borang Soal Selidik

Bahagian A: Demografi

1. Jantina: Lelaki

Perempuan

2. Umur:

18 tahun ke bawah

19-25

26-40

41-55

55 tahun ke atas

3. Bangsa:

Melayu

Cina

India

Lain-lain:

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

Bahagian B: Pengetahuan orang awam terhadap Muzium Orang Asli.

Bil.	Penyataan	Ya	Tidak
1.	Adakah anda mengetahui bahawa terdapat Muzium Orang Asli di Gombak, Selangor?		
2.	Adakah anda mengetahui cawangan Muzium Orang Asli yang terdapat di negeri-negeri lain?		
3.	Adakah anda pernah berkunjung ke Muzium Orang Asli di Gombak?		
4.	Adakah anda mengetahui pameran yang disediakan oleh pihak muzium?		
5.	Adakah anda tahu Muzium Orang Asli dibawah kelolaan JAKOA?		
6.	Anda pernah membuat carian maklumat berkaitan masyarakat Orang Asli?		
7.	Muzium Orang Asli Gombak mempunyai laman sesawang khusus.		
8.	Adakah anda tahu tentang kewujudan laman sesawang Muzium Orang Asli?		
9.	Laman sesawang Muzium Orang Asli mudah ditemui.		
10.	Mempunyai latar belakang tentang Muzium Orang Asli.		
11.	Mempunyai maklumat waktu operasi muzium.		

Bahagian C: Pandangan pengguna terhadap susun atur laman sesawang Jabatan Kemajuan Orang Asli

Bil.	Penyataan	Setuju	Tidak Setuju	Tidak Pasti
1.	Mempunyai susun atur yang tersusun dan menarik.			
2.	Penggunaan warna yang sesuai dan menarik.			
3.	Mempunyai informasi asas yang lengkap.			
4.	Laman sesawang dikemaskini dengan maklumat terkini.			
5.	Menggunakan grafik yang berwajah lebih moden.			
6.	Muzium Orang Asli perlu mempunyai laman sesawang yang khusus.			